

07/08/2000

Kerenah birokrasi lemahkan peniaga

Hatipah Ahmad

PERUNCIT Melayu terpaksa berhadapan dengan banyak masalah birokrasi perbankan walaupun hakikatnya mereka amat berpotensi untuk dimajukan sebagai usahawan berjaya.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPKMM), Baharim Razak, berkata halangan itu hampir menyebabkan kebanyakan mereka hilang minat untuk bergiat secara agresif dalam bidang peruncitan tempatan.

Katanya, pelbagai perkara remeh-temeh diminta oleh bank sekiranya seseorang peruncit Melayu ingin membuat permohonan sewa beli ruang kedai atau premis runcit di bandar besar hingga membebankan mereka dan menjadikan mereka hilang minat untuk berniaga.

Menurutnya, kerenah ini dikenal pasti melemahkan semangat peruncit Melayu yang ingin menceburi bidang peruncitan di kawasan yang strategik dan komersil seperti di premis runcit di kompleks beli-belah, kawasan penempatan di bandar dan rumah kedai.

"Kajian GPPKMM mendapati, terdapat lebih 300,000 peruncit Melayu yang menjual keperluan harian seperti gandum dan beras di seluruh negara tetapi kebanyakan mereka lebih tertumpu di kawasan setinggan dan luar bandar.

"Mereka terbabit dalam jualan runcit secara tradisional dan bergiat secara kecil-kecilan serta termasuk dalam lingkungan pasaran yang agak terhad. Ini menyukarkan mereka untuk bersaing dan meluaskan pasaran," katanya.

Golongan sebeginilah yang kerap menjadi mangsa birokrasi pihak perbankan dan tidak diberi peluang untuk membeli hartanah seperti premis runcit di kawasan strategik.

Masalah ini menyebabkan senario ekonomi semasa memperlihatkan lebih banyak peruncit bukan Melayu yang menguasai bidang peruncitan tempatan berbanding peruncit Bumiputera.

Menurut kajian persatuannya, peruncit bukan Bumiputera menguasai kira-kira 99 peratus pasaran runcit di seluruh negara kecuali di Kelantan dan Terengganu di mana 30 peratus pasarnya dikuasai oleh orang Melayu.

Menurutnya, industri peruncitan adalah penting untuk membolehkan seseorang usahawan itu berjaya kerana ia dapat menjana lebih banyak perniagaan seperti sektor pemborongan dan pengilangan serta menjamin kesinambungan operasi sesebuah syarikat.

Oleh itu, kata Baharim, pihaknya mencadangkan supaya agensi amanah seperti Tabung Haji, Petronas, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang mempunyai dana besar mengambil inisiatif dengan membeli hartanah berupa premis perniagaan di kawasan strategik demi kepentingan golongan peruncit Bumiputera.

Katanya, agensi amanah ini seterusnya boleh membantu peruncit Melayu untuk berniaga dengan cara menyewa-belikan premis perniagaan itu kepada peruncit Melayu dalam jangka panjang.

"Cara ini dapat mengelakkan peruncit Melayu daripada terus terjebak dalam kerenah birokrasi pihak kewangan," katanya.

Pada masa yang sama, Baharim berkata, skim Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper) akan membolehkan peruncit Melayu bersaing dengan kaum lain dan memiliki premis peruncitan sendiri.

Skim Prosper dapat membantu membina rangkaian dan rantaian di kalangan usahawan Bumiputera di peringkat akar umbi, justeru meletakkan satu sistem infrastruktur yang dapat memperkuat kedudukan ekonomi peruncit Melayu.

Selain itu, katanya, skim ini juga bersesuaian dengan konsep Wawasan 2020 di mana ia dapat melaksanakan pengagihan ekonomi secara menyeluruh dan saksama melalui kaedah bantu-membantu.

Beliau berkata, kerajaan juga boleh menyediakan satu dana khas untuk membantu peruncit Bumiputera.

GPPKMM sebelum ini pernah mencadangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya dana ini ditubuhkan ketika bertemu di Kongres Bumiputera Ke-4 di Kuala Lumpur, sebelum ini.

Dia mencadangkan, dana itu berjumlah RM500 juta dan perlu diagihkan kepada peruncit Bumiputera di antara RM100,000 dan RM200,000 seorang dengan jaminan Credit Guarantee Corporation Bhd (CGC) atau Mara.

Pinjaman itu bertujuan untuk membolehkan peruncit Bumiputera membuat pembaikpulihan ke atas kedai mereka atau sebagai deposit kepada pembekal bagi membolehkan peruncit mendapat bekalan dengan lebih mudah dan cepat.

Menurutnya, pinjaman itu juga perlu mengambil kira semua golongan peruncit Bumiputera yang sedia ada seperti peruncit kuih, roti atau kedai biasa tetapi juga golongan peruncit lain yang bergiat di kawasan setinggan atau di luar bandar kerana mereka juga dikira berpotensi untuk dimajukan sebagai usahawan berjaya.

Pada masa sama, katanya, peruncit lain yang terdiri dari kalangan bekas tentera dan polis serta pesara juga perlu diberi peluang untuk mendapatkan pinjaman daripada dana itu.

Ditanya mengenai kekurangan yang perlu diatasi oleh peruncit Melayu berbanding Cina, beliau berkata, peruncit Melayu perlu lebih membabitkan diri dalam persatuan.

Pembabitan yang agresif dalam persatuan dapat membantu menyokong reputasi dan operasi mereka sebagaimana yang diamalkan oleh peruncit Cina hingga membolehkan mereka lebih mudah mendapat kredit daripada pemborong dan pinjaman daripada bank.

Menurutnya, pengaruh persatuan dan hubungan erat sesama ahli membolehkan pembekal memberi kepercayaan kredit kepada peruncit untuk mendapatkan bekalannya sebelum membayar.

(END)